

RUU larang tukar parti: Jayum anggap sekat kebebasan wakil rakyat, hina pengundi

Rohaniza Idris - Ogos 11, 2022 @ 5:51pm

roha@bh.com.my



Prof Datuk Dr Jayum Jawan.

SERDANG: Seorang penganalisis politik berpandangan Rang Undang-Undang (RUU) Perlembagaan (Pindaan) (No 3) 2022 berkaitan larangan Ahli Parlimen bertukar parti, sebagai tindakan menyekat wakil rakyat melakukan yang terbaik.

Prof Datuk Dr Jayum Jawan yang juga Penyanggah Kursi Penyelidikan Tan Sri Empiang Jabu (TSEJRC), Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), juga menyifatkan RUU itu yang diluluskan Dewan Rakyat dan Dewan Negara baru-baru ini, sebagai menghina pilihan pengundi.

"Sebagai rakyat Malaysia dan pengundi, saya kecewa dengan 209 ahli Parlimen yang mengundi (menyokong RUU). Seharusnya pengundi kecewa kerana pilihan anda dan wakil rakyat pilihan anda tidak dihormati, disekat daripada melakukan apa yang difikirkan terbaik, termasuk lompat parti.

"Ini sesuatu yang mengecewakan, kita kata demokrasi, jadi sepatutnya boleh buat sesuka hati," katanya menjadi ahli panel Forum Bicara Nasional: Senario Politik Semasa di Malaysia anjuran Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, FEM, UPM, di sini hari ini.

Jayum mempersoalkan adakah hanya kerana tindakan segelintir ahli Parlimen melompat parti, Malaysia memerlukan satu undang-undang khusus, sedangkan pilihan sepatutnya menjadi hak pengundi.

"Kalau rakyat tidak bersetuju dengan ahli Parlimen lompat parti, maka jangan undi dia lagi semasa pilihan raya akan datang. Anda (pengundi) salah kerana pilih orang (itu) untuk jadi wakil, adakah kita nak salahkan sistem atau marah ahli Parlimen yang bagi saya, ia keterlaluan.

"Anda (pengundi) kena cermin diri sendiri, ahli Parlimen yang 222 orang itu mencerminkan sikap anda. Kalau mereka melompat parti, itulah nilai yang anda gunakan semasa mengundi," katanya.

Sehubungan itu, Jayum menegaskan, pengundi perlu memantapkan diri dalam membuat pilihan pada PRU-15 kerana sistem yang

sedia ada tidak mempunyai masalah, begitu juga dengan amalan demokrasi di negara ini.

Katanya, kuasa memilih wakil rakyat adalah pada tangan pengundi, bukan pada 222 ahli Parlimen kerana jawatan berkenaan hanya bertempoh paling lama lima tahun sebelum perkhidmatan mereka berakhir.


"Kuasa sebenar pada tangan rakyat, itu dinamakan demokrasi. Bukan saja ketika PRU kita berkuasa memilih, kita boleh turunkan mereka (ahli Parlimen) bila-bila masa juga kerana mengundi itu satu tanggungjawab," katanya.

Mengenai kewujudan parti dominan dalam politik tanah air, Jayum percaya tiada parti dominan yang lebih bagus daripada yang bukan dominan.

"Ini kerana ada parti dominan yang memonopoli kuasa dan meminggirkan orang lain. Contohnya, ada parti di Sarawak, khususnya Dayak. Satu parti dominan itu tidak bagus, memonopoli kuasa dan boleh meminggirkan orang," katanya.



IKUTI KAMI DI:



BERITA

[BHPLUS](#)

[Nasional](#)

[Kes](#)

[Politik](#)

[Pendidikan](#)

[Wilayah](#)

SUKAN

[DUNIA](#)

[HIBURAN](#)

[BISNES](#)

[RENCANA](#)

[WANITA](#)

[HUJUNG MINGGU](#)

MULTIMEDIA

[Foto](#)

[BHTV](#)

[Infografik](#)

LANGGAN

[Akhbar Digital](#)

[Akhbar BH](#)

PERKHIDMATAN

[Iklan Web](#)

[1Klassifieds](#)

[NSTP KLiK](#)

RADIO

[Dapatkan Audio+](#)

[Hot FM](#)

[Buletin FM](#)

[Fly FM](#)

[Eight FM](#)

[Molek FM](#)